

GetResponse Privacy Policy

We realize that you care how your information is processed and shared, and we appreciate your trust in us to do that carefully and sensibly. We believe it is important for you to know how we treat the information about you which we receive during your visits to www.getresponse.com and the use of our Service. We encourage you to take the time to read this Privacy Policy as well as those of any other sites you visit, whether through a link on the Website or otherwise. By using our Service and visiting our Website you are agreeing to the terms and conditions as set out in this Privacy Policy, which we may periodically change, modify, add or rectify or otherwise update at our discretion.

For the purpose of this Privacy Notice (“Privacy Policy”):

“**Website**” means www.getresponse.com;

“**GetResponse**”, “**we**”, “**us**” or “**our**” means GetResponse Malaysia Sdn. Bhd. (Company Number: 1187327-A) incorporated under the laws of Malaysia, with its registered and correspondence address: Unit No. 17-2, Level 17, Wisma UOA II, No. 21, Jalan Pinang, 50450 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Malaysia.

“**You**”, “**your**” means collectively the Customers, Contacts, Website’s users, persons who have subscribed to GetResponse’s newsletter;

“**Personal Data**” means any personal data relating to you, that have been provided to or made available to us;

Capitalized terms that are not expressly defined in this document shall have the meanings ascribed to them in the GetResponse Terms of Service (“[Terms of Service](#)”).

GetResponse undertakes all commercially reasonable endeavors to keep all disclosed Personal Data secure. Data collected through tracking and registration will not be shared or sold to third parties for any purpose without your express consent, except as provided in this Privacy Policy, or in a contract between GetResponse and you.

When you visit the Website and/or use our Service, we receive and may collect two types of information: (1) Website use information and cookies, and (2) Personal Data you knowingly choose to disclose, which is collected on an individual basis.

The Website may contain links to other websites belonging to or operated by third parties. We are not responsible for the privacy practices of other sites and encourage you to read their privacy statements carefully.

SPECIAL NOTE ABOUT CHILDREN

This Website is not intended for children, especially kids under 13. Children may use this Website only with the direct supervision of their parent.

Data Processing

GetResponse collects Personal Data from you when you visit the Website and/or register for our Service. When you register for our Service, we require: (i) username, (ii) password, (iii) email address, (iv) phone number, (v) first and last name, (vi) zip code, (vii) country, (viii) billing information such as billing address and credit card number and (ix) tax identification number. We may also ask you to provide additional Personal Data such as (i) company name, (ii) title, (iii) educational background or institution, and (iv) personal details that you may opt out of by not entering data when asked.

We use your registration information for verification purposes and provide you access to our Service. We also use the email addresses used in the registration information to communicate with you. From time to time, we may contact you via email to notify you of changes to our Service, scheduled maintenance, information about GetResponse and promotional material from GetResponse. You can access your Personal Data through your Account and are obliged to update the data provided in the registration form as soon as any change in these data has occurred.

We will retain your Personal Data for as long as needed to provide the Service. We will retain and use your Personal Data as necessary to comply with our legal obligations, resolve disputes, and enforce our agreements. The provision of Personal Data in connection with your use of the Service is voluntary. Note, however, that the refusal to provide certain data may make it impossible for you to use all or part of the Service functionalities.

With respect to Personal Data which you provide us with, you confirm that processing such data is in accordance with any applicable data protection legislation and Privacy Policy and will not cause GetResponse to breach any applicable data protection legislation. You agree that we may process and transfer these Personal Data to our affiliates and/or relevant subcontractors (who may be located in other territories) for the purposes provided herein.

Where we provide you with the personal data of our employees, officers, servants, agents and advisors, you agree to keep it confidential and in accordance with any applicable data protection legislation.

Outsourcing of Contacts Personal Data Processing

GetResponse recognizes the importance of respecting the privacy of Contacts' Personal Data. We make every effort to safeguard their security and privacy. GetResponse will never use the Contacts' Personal Data other than for our Service nor to send any

information other than expressly provided by you, nor will we share it with or sell it to anyone else for such use.

Contacts' Personal Data processing may be outsourced by the Customer to GetResponse only where the Customer is the data controller or where the latter processes such personal data on the basis of applicable data protection legislation.

Contacts' Personal Data processing may be outsourced as regards email address and other Contact-related information considered by the Customer necessary to ensure proper provision of the Service.

Further passing of the job of data processing may take place only within the limits, and for the purpose of proper provision of the Service.

GetResponse declares that it provides security measures protecting the databases and meets the technical and organizational requirements specified in applicable data protection legislation.

GetResponse also ensures the implementation of legal notices in accordance with the relevant regulations.

Erasure of Processed Personal Data

After cancellation of your Account, GetResponse shall store Personal Data related to you, as well as any statistical data concerning the Account for a period of no less than 30 days for a possible reactivation of your Account. The processing of Personal Data by GetResponse after the cancellation of your Account may only involve holding of the same, unless performance of other operations on the data has been imposed on GetResponse by applicable regulations or competent authorities. After the expiry of this term, Personal Data shall be deleted from the main base without possibility of recovery. In the period of next 15 days Personal Data shall be subject to encryption and stored in backup copies only. The said 15-day period is required to delete the Personal Data completely due to specifics of the backup copies operations.

Sharing Information

GetResponse will not share, sell, rent or trade your Personal Data other than as disclosed within this Privacy Policy.

We reserve the right to disclose your Personal Data as required by law and when we believe that disclosure is necessary to protect our rights and/or comply with a judicial proceeding, court order, or legal process served on GetResponse.

In certain situations, GetResponse may be required to disclose Personal Data in response to lawful requests by public authorities, including to meet national security or law enforcement requirements.

We use other third parties in a scope necessary to provide the Service, such as credit card processing companies to bill you for goods and services. When you sign up for the Service we will share your Personal Data as necessary for the third party to provide the services. These third parties are prohibited from using your Personal Data for promotional purposes.

If GetResponse is involved in a merger, acquisition, or sale of all or a portion of its assets, you will be notified via email and/or a prominent notice on the Website of any change in ownership or uses of your Personal Data, as well as any choices you may have regarding your Personal Data.

You expressly agree that we, our subsidiaries, affiliated or associated companies, or related entities controlled directly or indirectly by us and any of their respective branches and offices are permitted to collect, use, store and share the Personal Data.

You understand and agree that the Personal Data may be transferred to, used and stored in other jurisdictions, the laws of which may not offer the same level of protection as the laws of the jurisdiction which the Personal Data originates from. The Personal Data may also become subject to the legal disclosure requirements of other jurisdictions.

You understand and agree that GetResponse is permitted to disclose the Personal Data, for confidential use, to:

- (a) and among GetResponse group of companies;
- (b) comply with any law, regulation, or request by any government, court, administrative, regulatory or other authorities;
- (c) any agents and persons to whom GetResponse outsources the performance of its operational functions (including, without limitation, any third party service provider) and/or who provides any services, whether within or outside the country which Personal Data originates from;
- (d) any novatee, assignee, participant, sub-participant or transferee, or proposed novatee, assignee, participant, sub-participant or transferee of any of our rights or obligations;
- (e) any parties engaged by GetResponse to enable or assist GetResponse to exercise its rights and perform its obligations;

We do not guarantee the security of any information transmitted by or to us through any means of communication or correspondence (including mail, courier service, e-mail or other electronic means (including short message service (SMS))).

You accept the risk that such information may be accessed by unauthorized third parties and/or disclosed by GetResponse and by its officers, employees or agents to third parties purporting to be the intended recipient.

Regardless of the above, you agree that GetResponse will transmit such information to the address or other relevant particulars specified by you, and that such information may not be protected with encryption, password protection or any other form of security from disclosure to unauthorized third parties. You accept the risk that such transmission of information may be received, accessed or disclosed to third parties other than the intended recipient(s).

To the fullest extent permitted by law, GetResponse is not liable to you for any losses, costs, damages, expenses, claims and demands arising directly or indirectly in connection with any disclosure of information to third parties by GetResponse in the course of us carrying out the Service, including where such disclosure arose out of GetResponse's negligence or through physical or electronic interference by a third party.

You will not hold GetResponse responsible or liable, in contract, tort (including negligence or breach of statutory duty), equity or otherwise, for any such access or disclosure or for any losses, costs, damages, expenses, claims and demands suffered or incurred by you or any third party as a result of any such access or disclosure, except for any losses which result directly and solely from GetResponse's fraud or willful default.

You represent and warrant that you have obtained the agreement and consent of all relevant persons to any disclosure of information relating to them, which you provide GetResponse with, pursuant to this Privacy Policy. You shall indemnify and hold GetResponse harmless from and against any consequences, losses, damages, costs and/or expenses (including all legal costs on an indemnity basis) whatsoever and howsoever resulting from any failure to obtain such consents.

Passwords

Your GetResponse Account information, username, password and profile are password-protected so that you have secure access to entering and editing Personal Data. It is your responsibility to protect the security of your passwords. Access to the Service is protected by a unique username and password that is known to you only. GetResponse has designed internal security processes that encrypt your password to protect it from being divulged or accessed by anyone other than you. Neither GetResponse employees nor any of its contractors can obtain or access your password. Neither GetResponse employees nor any of its contractors will ask you for your password via mail, email, telephone or in any other unsolicited manner.

Website Use Information

Our servers automatically collect site use information, each time you visit the Website. The Website use information includes, but is not limited to the following: the domain names, operating system in use (e.g. Macintosh, Windows), browser (e.g. Mozilla Firefox, Internet Explorer) and version, the website which referred you to us, and other similar information. This information may be aggregated to measure the number of visits, average time spent on the Website, pages viewed, time and date of visits, and other similar

information. We may use and disclose site use information, for example, to measure the use of the Website, improve the content, explain the utility of the Website and Service we provide, and to extend their functionality.

As is true of most websites, we gather certain information automatically and store it in log files. This information includes browser type, referring/exit pages, operating system, date/time stamp, and clickstream data.

We use this information, which does not identify individual users, to analyze trends, to administer the Website, to track users' movements around the Website and to gather demographic information about our user base as a whole. Information we collect may be used to enhance your use of the Website, and to provide you with the Service, arrange the Website in the most user friendly way, communicate special offers and featured items, and/or respond to your questions and suggestions. We do not link this automatically-collected data to Personal Data.

Similar to other commercial websites, the technology called "cookies" may be used to provide you with tailored information. A cookie is a small piece of data that a website can send to your browser, which may then be stored on your hard drive, so we can recognize you when you return. You may be able to set your browser to notify you when you receive a cookie. Our cookies collect general information that enhances our ability to serve you and measure the utility of the Website. We do not link the information we store in cookies to any Personal Data you submit while on the Website. We partner with a third party to either display advertising on our Website or to manage our advertising on other sites. Our third party partner may use technologies such as cookies to gather information about your activities on this site and other sites in order to provide you advertising based upon your browsing activities and interests. If you wish to not have this information used for the purpose of serving you interest-based ads, you may opt-out by clicking [here](#). Please note this does not opt you out of being served ads. You will continue to receive generic ads.

The use of cookies by third party web analytics partner is not covered by our Privacy Policy. We do not have access or control over these cookies. These third parties use session ID and persistent cookies to make it easier for you to navigate the Website.

Mailing Policy

When you send us an email, we use your email address to thank you for your comment and/or reply to your question, and we will store your communication and our reply for any future correspondence.

When you accept to receive information about our Service, promotions, newsletters, press releases, and/or new offers, we use your email address and any other information you give us to provide you with the information or other services, until you ask us to stop (using the 'unsubscribe' instructions provided with each email communication).

When you request information or other services from us, we use your email address and any other information you give us to provide you with the information or other services that you requested, until you ask us to stop (using the 'unsubscribe' instructions provided with each email, and/or on the site where you signed up, and/or as we otherwise provide), or until the information or service is no longer available.

We will never use your email address or other information to provide you with any unsolicited messages or information (unless that is part of the service you are requesting), nor will we share it with or sell, rent or lease it to any third party for such use.

Information Security

We believe that keeping Personal Data secure is one of our most significant responsibilities.

We restrict access to Personal Data to those employees and others who need to know that information to assist us in our business, or to provide products or Service to you. All our employees having access to your Personal Data, are obliged to respect the confidentiality of your Personal Data. We protect Personal Data from unauthorised access, improper use or disclosure, unauthorised modification, unlawful destruction or accidental loss, according to the established security standards and procedures, by maintaining physical, electronic, and procedural safeguards to the Personal Data.

When we request for sensitive information, such as credit card number, it is encrypted and protected with the best encryption software in the industry SSL and processed through a reputable payment processor. While on the secure page, such as our order form, the lock icon at the bottom of web browsers, e.g. Mozilla Firefox or Microsoft Internet Explorer, becomes locked, as opposed to unlocked or open, when you are just 'surfing'.

Security

GetResponse stores its servers in a highly secure server environment, with surveillance and support to prevent unauthorized access and data security.

We cannot guarantee the security of your Personal Data while it is being transmitted over the Internet and through servers that are out of our control. We strive to protect your Personal Data but GetResponse cannot ensure or warrant the security of any information you transmit to the Website or Service. Any data transmissions you make over the Internet are done so at your own risk. Once we receive the data transmission, we make our best efforts to ensure its security and privacy on our systems.

Our blog is managed by a third party application that may require you to register to post a comment. We do not have access or control of the information posted to the blog. You will need to contact or login into the third party application if you want your Personal Data that was posted to the comments section removed. To learn how the third party application uses your information, please review their privacy statement.

Facebook Connect or other OpenID provider

You can log in to the Website using sign-in services such as Facebook Connect or an Open ID provider. These services will authenticate your identity and provide you the option to share certain Personal Data with us such as your name and email address to pre-populate our sign up form. Services like Facebook Connect give you the option to post information about your activities on the Website to your profile page to share with others within your network.

Social Media Widgets

The Website includes Social Media Features, such as the Facebook Like button and Widgets, such as the Share this button or interactive mini-programs that run on the Website. These Features may collect your IP address, which page you are visiting on the Website, and may set a cookie to enable the Feature to function properly. Social Media Features and Widgets are either hosted by a third party or hosted directly on the Website. Your interactions with these Features are governed by the privacy policy of the company providing it.

Contests

From time-to-time we may provide you the opportunity to participate in contests on the Website. If you participate, we will request certain Personal Data from you. Participation in these contests is completely voluntary and you therefore have a choice whether or not to disclose this information. The requested information typically includes contact information (such as name and shipping address), and demographic information (such as zip code). We use this information to be able to send the prize to the winner of the contest.

Testimonials/Reviews

We may post your testimonials/reviews on the Website which may contain Personal Data. We will obtain your consent via email prior to posting the testimonial/review to post your name along with your testimonial/review. If you wish to update or delete your testimonial, you can contact us using our [feedback form](#).

View, Change or Remove Information

Upon request GetResponse will provide you with information about whether we hold any of your Personal Data. You may correct or delete your profile information at any time by going to your profile page and clicking '[My Account](#)' option from the menu, then the information will be updated. Please contact us using our [feedback form](#) if you need assistance in updating or reviewing your information. GetResponse will respond to you to review the information within 20 days.

Other Terms

We may change this Privacy Policy at any time. Unless stated otherwise, our current Privacy Policy applies to all information that we have about you and your Account. If we

make changes to this Privacy Policy we will notify you via e-mail and by publication on the Website prior to the changes taking effect.

If, however, we make material changes or GetResponse is going to use your Personal Data in a manner different from that stated at the time of collection we will notify you via e-mail and on the Website prior to the change becoming effective. You will have a choice as to whether or not we use your Personal Data in this different manner. However, if you have opted out of all communication with the Website, or deleted your Account, then you will not be contacted, nor will your Personal Data be used in this new manner.

Information posted by you in online blog updates, public forums, online bulletin boards may be displayed on the Website.

Contacting GetResponse

If you have any questions or concerns about our Privacy Policy you can reach us at:

GetResponse Malaysia Sdn Bhd
Unit No. 17-2
Level 17
Wisma UOA II, No. 21, Jalan Pinang
50450 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan
Malaysia.
Tel : [+6 03 2242 0321]
Email : [gr-asean@getresponse.com]

Polisi Privasi GetResponse

Kami menyadari bahawa anda mengambil berat tentang bagaimana maklumat anda diproses dan dikongsi, dan kami menghargai kepercayaan anda bahawa kami melakukannya dengan berhati-hati dan wajar. Kami percaya adalah penting untuk anda mengetahui bagaimana kami mengendalikan maklumat tentang diri anda yang kami terima semasa kunjungan anda ke www.getresponse.com dan semasa penggunaan Perkhidmatan kami. Kami menggalakkan anda mengambil masa untuk membaca Polisi Privasi ini serta Polisi Privasi laman-laman lain yang anda kunjungi, sama ada melalui pautan yang tarpapar di Laman Web atau sebaliknya. Dengan menggunakan Perkhidmatan kami dan mengunjungi Laman Web kami, anda bersetuju dengan terma dan syarat seperti yang dinyatakan di dalam Polisi Privasi ini, yang mungkin akan diubah, dipinda, ditambah, dibetulkan atau dikemaskinikan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara kami.

Untuk tujuan Notis Privasi ini (“Polisi Privasi”):

“Laman Web” bermaksud www.getresponse.com;

“**GetResponse**” atau “**kami**” bermaksud GetResponse Malaysia Sdn Bhd. (Nombor Syarikat: 1187327-A) yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia, dengan alamat berdaftar dan surat-menyurat di Unit No. 17-2, Level 17, Wisma UOA II, No. 21, Jalan Pinang, 50450 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan

“**Anda**” bermaksud, secara bersejajarnya, para Pelanggan, Kenalan, para pengguna Laman Web, mereka yang telah melanggan surat berita GetResponse;

“**Data Peribadi**” bermaksud mana-mana data peribadi berkaitan diri anda, yang telah diberikan kepada kami atau yang tersedia untuk perolehan kami.

Terma berhuruf besar yang tidak didefinisikan secara nyata di dalam dokumen ini membawa maksud seperti yang diberikan kepada terma-terma tersebut di dalam Terma Perkhidmatan GetResponse (“[Terma Perkhidmatan](#)”).

GetResponse mengambil semua langkah-langkah yang wajar dari segi komersial untuk menjaga keselamatan semua Data Peribadi yang telah dizahirkan kepadanya. Data yang dikumpul melalui penjejakan dan pendaftaran tidak akan dikongsi atau dijual kepada pihak ketiga untuk sebarang tujuan tanpa kebenaran yang nyata daripada anda, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Polisi Privasi ini, atau dalam sebuah kontrak antara GetResponse dan anda.

Apabila anda mengunjungi Laman Web dan/atau menggunakan Perkhidmatan kami, kami menerima dan mungkin mengumpul dua jenis maklumat: (1) Maklumat penggunaan Laman Web dan kuki, dan (2) Data Peribadi yang anda telah pilih secara sedar untuk menzahirkan, yang dikumpul atas dasar individu.

Laman Web mungkin mengandungi pautan kepada laman web lain yang dimiliki atau dioperasikan oleh pihak ketiga. Kami tidak bertanggungjawab ke atas amalan privasi laman web lain dan kami menggalakkan anda untuk membaca pernyataan privasi mereka dengan teliti.

NOTA KHAS TENTANG KANAK-KANAK

Laman Web ini tidak bertujuan untuk dilayari oleh kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak di bawah umur 13 tahun. Kanak-kanak boleh menggunakan Laman Web ini hanya dengan pantauan secara langsung oleh ibu bapa mereka.

Pemprosesan Data

GetResponse mengumpul Data Peribadi daripada anda apabila anda mengunjungi Laman Web dan/atau apabila anda mendaftar dengan kami. Apabila mendaftar untuk mendapatkan Perkhidmatan kami, kami memerlukan: (i) nama pengguna, (ii) kata laluan, (iii) alamat e-mel, (iv) nombor telefon, (v) nama pertama dan nama keluarga, (vi) poskod, (vii) negara, (viii) maklumat pembayaran seperti alamat dan nombor kad kredit dan (ix) nombor pengenalan cukai. Kami mungkin juga meminta anda memberikan Data Peribadi tambahan seperti (i) nama syarikat, (ii) gelaran, (iii) latar belakang pendidikan atau institusi, dan (iv) maklumat peribadi lain yang anda boleh memilih untuk tidak berikan apabila diminta.

Kami menggunakan maklumat pendaftaran anda untuk tujuan pengesahan dan untuk memberikan anda akses kepada Perkhidmatan kami. Kami juga menggunakan alamat e-mel yang diberi dalam maklumat pendaftaran untuk berkomunikasi dengan anda. Dari semasa ke semasa, kami mungkin akan menghubungi anda melalui e-mel untuk memaklumkan kepada anda tentang perubahan kepada Perkhidmatan kami, penyelenggaraan berjadual, maklumat tentang GetResponse dan bahan promosi daripada GetResponse. Anda boleh mengakses Data Peribadi anda melalui Akaun anda dan anda dikehendaki mengemaskini data yang anda berikan dalam borang pendaftaran sebaik sahaja terdapat perubahan tentang data berkenaan.

Kami akan menyimpan Data Peribadi anda selama mana ia diperlukan untuk membekalkan Perkhidmatan kepada anda. Kami akan menyimpan dan menggunakan Data Peribadi anda sebagaimana perlu untuk memenuhi tanggungjawab undang-undang kami, menyelesaikan pertikaian, dan menguatkuasakan perjanjian yang telah kami masuki. Pemberian Data Peribadi yang berhubungkait dengan penggunaan Perkhidmatan oleh anda adalah secara sukarela. Walau bagaimanapun, perlu diingati bahawa keengganan untuk memberi maklumat tertentu mungkin akan mengakibatkan

anda tidak dapat menggunakan semua atau sebahagian daripada fungsian Perkhidmatan.

Tentang Data Peribadi yang anda bekalkan kepada kami, anda mengesahkan bahawa pemprosesan data tersebut selari dengan undang-undang perlindungan data dan Polisi Privasi dan tidak akan menyebabkan GetResponse melanggar mana-mana undang-undang perlindungan data yang terpakai. Anda bersetuju bahawa kami mungkin akan memproses dan memindahkan Data Peribadi tersebut kepada syarikat gabungan kami (*affiliates*) dan/atau subkontraktor yang berkenaan (yang mungkin berada di wilayah yang berlainan) untuk tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan di sini.

Dalam situasi apabila kami membekalkan anda dengan data peribadi pekerja, pegawai, agen dan penasihat kami, anda bersetuju untuk mengekalkan kerahsiaan dan mematuhi undang-undang perlindungan data yang terpakai.

Khidmat luaran pemprosesan Data Peribadi Kenalan

GetResponse menyedari kepentingan menghormati privasi Data Peribadi Kenalan kami. Kami mengambil setiap langkah untuk melindungi keselamatan dan privasi mereka. GetResponse tidak akan sekali-kali menggunakan Data Peribadi Kenalan untuk tujuan selain daripada untuk Perkhidmatan kami mahupun untuk menghantar maklumat selain daripada yang diberikan secara nyata oleh anda, dan kami tidak akan berkongsi atau menjualnya kepada sesiapa yang lain untuk penggunaan sedemikian.

Pemprosesan Data Peribadi Kenalan mungkin disumberkan oleh Kenalan kepada GetResponse hanya apabila Kenalan merupakan pengguna data atau di mana GetResponse memproses data peribadi sedemikian atas dasar undang-undang perlindungan data yang terpakai.

Pemprosesan Data Peribadi Kenalan mungkin disumberkan dari segi alamat e-mel dan maklumat yang lain berkaitan Kenalan apabila dianggap oleh Kenalan sebagai perlu untuk memastikan pembekalan Perkhidmatan yang sewajarnya.

Penyerahan tugas pemprosesan data seterusnya hanya boleh berlaku mengikut had, dan untuk tujuan pembekalan Perkhidmatan yang sewajarnya.

GetResponse menegaskan bahawa ia menyediakan langkah-langkah keselamatan untuk melindungi pangkalan data dan memenuhi syarat dari segi teknikal dan organisasi yang diperincikan dalam undang-undang perlindungan data.

GetResponse turut memastikan pelaksanaan notis undang-undang menurut peraturan yang berkaitan.

Pemadaman Data Peribadi yang diproses

Selepas pembatalan Akaun anda, GetResponse akan menyimpan Data Peribadi berkaitan dengan anda, serta sebarang data statistik tentang Akaun untuk tempoh tidak kurang daripada 30 hari untuk kemungkinan pengaktifan semula Akaun anda. Pemrosesan Data Peribadi oleh GetResponse setelah pembatalan Akaun anda mungkin hanya melibatkan aktiviti memegang Data Peribadi tersebut, melainkan pelaksanaan operasi yang lain ke atasnya dituntut oleh peraturan terpakai atau pihak berkuasa yang berwibawa ke atas GetResponse. Selepas tamat tempoh, Data Peribadi akan dilupuskan daripada pangkalan data dan ianya tidak boleh diperolehi semula. Dalam tempoh 15 hari kemudian, Data peribadi akan disulitkan dan disimpan sebagai data sandaran sahaja. Tempoh 15 hari ini diperlukan untuk menghapuskan kesemua data peribadi bagi memenuhi spesifikasi operasi data sandaran.

Berkongsi Maklumat

GetResponse tidak akan berkongsi, menjual, menyewa atau memperdagangkan Data Peribadi anda melainkan seperti yang dinyatakan di dalam Polisi Privasi ini.

Kami berhak untuk menzahirkan Data Peribadi anda seperti yang dituntut oleh undang-undang dan apabila kami mempercayai bahawa penzahiran adalah perlu untuk melindungi hak kami dan/atau untuk mematuhi suatu prosiding kehakiman, perintah mahkamah, atau proses undang-undang yang dikenakan ke atas GetResponse.

Dalam situasi tertentu, GetResponse mungkin dikehendaki menzahirkan Data Peribadi untuk memenuhi permintaan yang sah oleh pihak berkuasa awam, termasuk untuk tujuan keselamatan negara atau keperluan penguatkuasaan undang-undang.

Kami menggunakan pihak ketiga yang lain dalam skop yang perlu bagi membekalkan Perkhidmatan, seperti syarikat pemrosesan kad kredit untuk mengutip bayaran bagi pembekalan barangan dan perkhidmatan. Apabila anda mendaftar untuk Perkhidmatan kami, kami akan kongsi Data Peribadi anda setakat yang perlu untuk membolehkan pihak ketiga tersebut membekalkan perkhidmatannya. Pihak ketiga tersebut tidak dibenarkan untuk menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan promosi.

Sekiranya GetResponse terlibat dalam suatu penggabungan, pemerolehan, atau penjualan semua atau sebahagian daripada asetnya, anda akan dimaklumkan melalui e-mel dan/atau satu notis yang jelas dalam Laman Web tentang sebarang perubahan pemilikan atau penggunaan Data Peribadi anda, dan juga sebarang pilihan yang mungkin boleh anda buat berkenaan Data Peribadi anda.

Anda secara nyata bersetuju bahawa kami, syarikat subsidiari kami, syarikat-syarikat gabungan dan syarikat-syarikat bersekutu kami, atau entiti berkaitan yang dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh kami dan mana-mana cawangan dan syarikat kami

adalah dibenarkan untuk mengumpul, menggunakan, menyimpan dan berkongsi Data Peribadi terbabit.

Anda memahami dan bersetuju bahawa Data Peribadi terbabit mungkin dipindahkan, digunakan dan disimpan di negara lain, yang mana undang-undang negara tersebut mungkin tidak memberi tahap perlindungan yang sama dengan negara asal Data Peribadi itu. Data Peribadi tersebut mungkin akan tertakluk kepada syarat penzahiran undang-undang di negara lain.

Anda memahami dan bersetuju bahawa GetResponse dibenarkan untuk menzahirkan Data Peribadi, bagi tujuan penggunaan sulit, untuk:

- (f) dan di kalangan kumpulan syarikat GetResponse;
- (g) mematuhi sebarang undang-undang, peraturan, atau permintaan daripada mana-mana badan kerajaan, mahkamah, pihak berkuasa pentadbiran, pihak berkuasa kawal selia dan pihak berkuasa yang lain;
- (h) sebarang agen dan pihak yang dilantik oleh GetResponse untuk menjalankan fungsi operasinya (termasuk, tanpa batasan, sebarang pembekal perkhidmatan pihak ketiga) dan/atau yang memberikan perkhidmatan, sama ada di dalam atau luar negara dari mana asalnya Data Peribadi tersebut;
- (i) sebarang penerima novasi, pemegang serah hak, peserta, sub-peserta atau penerima pindahan, atau penerima novasi yang dicadangkan, penerima pindahan, peserta, sub-peserta atau penerima pindahan mana-mana hak atau obligasi kami;
- (j) sebarang pihak yang dilantik oleh GetResponse untuk membolehkan atau membantu GetResponse melaksanakan haknya dan menjalankan obligasinya;

Kami tidak menjamin keselamatan sebarang maklumat yang dihantar oleh kami atau kepada kami melalui apa-apa cara komunikasi atau surat-menyurat (termasuk melalui pos, perkhidmatan kourier, e-mel atau sebarang kaedah elektronik (termasuk khidmat pesanan ringkas (SMS))).

Anda menerima risiko bahawa maklumat tersebut mungkin diakses oleh pihak ketiga yang tidak diberi kebenaran dan/atau mungkin dizahirkan oleh GetResponse dan oleh pegawainya, pekerjaanya atau agennya kepada pihak ketiga yang dianggap sebagai penerima yang dihasratkan.

Walaupun demikian, anda bersetuju bahawa GetResponse akan memindahkan maklumat tersebut kepada alamat atau maklumat lain yang diperincikan oleh anda, dan maklumat tersebut mungkin tidak dilindungi dengan kaedah penyulitan, perlindungan kata laluan atau sebarang bentuk keselamatan daripada penzahiran kepada pihak ketiga yang tidak dibenarkan. Anda menerima risiko bahawa pindahan maklumat mungkin diterima, diakses oleh atau dizahirkan kepada pihak ketiga selain daripada kepada penerima yang dimaksudkan.

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, GetResponse tidak bertanggungjawab kepada anda untuk sebarang kehilangan, kos, kerugian, perbelanjaan, tuntutan dan permintaan yang timbul secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan sebarang penzahiran maklumat kepada pihak ketiga oleh GetResponse semasa kami menjalankan Perkhidmatan tersebut, termasuk apabila penzahiran tersebut timbul daripada kecuaiian GetResponse atau melalui gangguan elektronik atau fizikal oleh pihak ketiga.

Anda tidak akan meletakkan sebarang liabiliti ke atas GetResponse dari segi kontrak, tort (termasuk kecuaiian atau pelanggaran tanggungjawab statutori), ekuiti atau sebaliknya untuk sebarang akses atau penzahiran atau untuk sebarang kehilangan, kos, kerugian, perbelanjaan, tuntutan dan permintaan yang dialami atau yang diakibatkan oleh anda atau mana-mana pihak ketiga sebagai hasil daripada akses atau penzahiran tersebut, kecuali untuk sebarang kehilangan yang disebabkan secara langsung dan secara mutlak oleh penipuan atau keingkarannya sengaja pihak GetResponse.

Anda menyatakan dan menjamin bahawa anda telah mendapatkan persetujuan dan kebenaran semua yang terlibat untuk penzahiran sebarang maklumat berkaitan dengan mereka, yang anda bekalkan kepada GetResponse, menurut Polis Privasi ini. Anda akan melindungi GetResponse daripada kerugian dan memelihara GetResponse daripada sebarang akibat, kehilangan, kerugian, kos dan/atau perbelanjaan (termasuk segala kos undang-undang atas dasar ganti rugi) dalam apa jua cara berikutan daripada kegagalan untuk mendapatkan kebenaran tersebut.

Kata Laluan

Maklumat akaun, nama pengguna, kata laluan dan profil GetResponse anda dilindungi oleh kata laluan supaya anda dapat menikmati akses yang selamat sewaktu memasukkan dan menyunting Data Peribadi anda. Anda bertanggungjawab untuk menjaga kerahsiaan kata-kata laluan anda. Akses kepada Perkhidmatan kami turut dilindungi oleh nama pengguna dan kata laluan unik yang hanya anda ketahui. GetResponse telah membangunkan proses keselamatan dalaman yang menyulitkan kata laluan anda untuk melindunginya daripada dizahirkan atau diakses oleh individu lain selain anda. Tidak seorang pun pekerja mahupun mana-mana kontraktor GetResponse boleh mendapatkan atau mengakses kata laluan anda. Tidak seorang pun pekerja mahupun sebarang kontraktor GetResponse akan meminta kata laluan anda melalui surat, e-mel, telefon atau sebarang cara lain yang tidak diundang.

Maklumat Penggunaan Laman Web

Pelayan kami mengumpul maklumat penggunaan laman secara automatik setiap kali anda melayari Laman Web ini. Maklumat penggunaan Laman Web termasuk, tetapi tidak terhad kepada: nama-nama domain, sistem operasi yang digunakan (contohnya, Macintosh, Windows), penyemak imbas (sebagai contoh, Mozilla Firefox, Internet Explorer) dan versi, laman web yang merujuk anda kepada kami, serta maklumat lain yang serupa. Maklumat ini akan dikumpulkan untuk mengukur bilangan lawatan, purata tempoh yang digunakan melayari Laman Web ini, laman-laman yang dilayari, masa dan

tarikh lawatan, serta maklumat lain yang serupa. Kami mungkin akan menggunakan dan menzahirkan maklumat penggunaan laman, sebagai contoh, untuk menentukan tahap penggunaan Laman Web, memperbaiki kandungan, menerangkan kegunaan Laman Web dan Perkhidmatan yang kami sediakan, serta untuk memperluaskan kegunaan mereka.

Sebagaimana kebanyakan laman web lain, kami mengumpul maklumat tertentu secara automatik dan menyimpan maklumat tersebut dalam log fail. Maklumat ini termasuklah jenis penyemak imbas, laman merujuk/keluar, sistem pengendalian, cap tarikh/masa dan data jujuran klik.

Kami menggunakan maklumat ini, yang tidak mengenalpasti pengguna individu, untuk menganalisis trend, untuk mentadbir Laman Web, untuk mengesan pergerakan pengguna dalam Laman Web dan untuk mengumpul maklumat demografi berkaitan pangkalan pengguna kami secara keseluruhan. Maklumat yang dikumpul mungkin akan digunakan untuk meningkatkan penggunaan Laman Web dan untuk menawarkan Perkhidmatan kepada anda, mengatur Laman Web sehingga menjadi paling mesra pengguna, memaklumkan tentang tawaran istimewa dan item yang dipaparkan, dan/atau memberi maklumbalas kepada soalan dan cadangan anda. Kami tidak memautkan data yang dikumpul secara automatik ini kepada Data Peribadi.

Seperti laman web perdagangan lain, teknologi yang dipanggil "kuki" mungkin digunakan untuk membekalkan maklumat khusus kepada anda. Kuki adalah sebahagian kecil data yang boleh dihantar oleh laman web kepada penyemak imbas anda, yang kemudiannya boleh disimpan dalam cakera keras anda, supaya kami boleh mengenali anda apabila anda kembali. Anda mungkin boleh menetapkan supaya penyemak imbas anda memaklumkan anda apabila anda menerima kuki. Kuki kami mengumpul maklumat umum yang dapat meningkatkan keupayaan kami untuk melayani anda dan mengukur kegunaan Laman Web. Kami tidak memautkan maklumat yang kami simpan dalam kuki kepada sebarang Data Peribadi yang anda serahkan semasa melayari Laman Web. Kami bekerjasama dengan pihak ketiga sama ada untuk memaparkan iklan di Laman Web kami atau untuk menguruskan pengiklanan kami di laman web yang lain. Rakan kongsi pihak ketiga kami mungkin menggunakan teknologi seperti kuki untuk mengumpul maklumat berkaitan aktiviti anda di laman web ini dan di laman lain untuk menawarkan iklan kepada anda berdasarkan aktiviti pelayaran dan minat anda. Jika anda tidak mahu maklumat ini digunakan untuk tujuan menyiarkan iklan berdasarkan minat anda, anda boleh memilih untuk keluar dengan cara klik [di sini](#). Harap maklum bahawa pilihan ini tidak mengecualikan anda daripada menerima siaran iklan. Anda akan tetap menerima iklan berunsur generik.

Polisi Privasi kami tidak terpakai kepada penggunaan kuki oleh rakan kongsi penganalisis web pihak ketiga. Kami tidak mempunyai akses atau kawalan terhadap kuki sebegini. Pihak-pihak ketiga ini menggunakan pengenalan sesi dan kuki berterusan untuk memudahkan anda melayari Laman Web ini.

Polisi E-mel

Apabila anda menghantar e-mel kepada kami, kami menggunakan alamat e-mel tersebut untuk mengucapkan terima kasih atas komen anda dan/atau untuk menjawab soalan anda, dan kami akan menyimpan komunikasi anda serta jawapan kami untuk sebarang perhubungan di masa akan datang.

Apabila anda bersetuju untuk menerima maklumat tentang Perkhidmatan kami, promosi, surat berita, siaran akhbar, dan/atau tawaran baru, kami menggunakan alamat e-mel anda dan sebarang maklumat lain yang anda berikan untuk membekalkan anda dengan maklumat atau perkhidmatan lain, sehingga anda meminta kami untuk menghentikan kiriman (dengan memilih arahan 'hentikan langganan' yang disediakan dengan setiap komunikasi e-mel).

Apabila anda meminta maklumat atau perkhidmatan lain daripada kami, alamat e-mel anda dan sebarang maklumat lain yang anda berikan akan kami gunakan untuk memberi anda maklumat atau perkhidmatan yang anda minta, sehingga anda meminta kami berhenti (menggunakan arahan 'hentikan langganan' yang disediakan dengan setiap komunikasi e-mel, dan/atau di laman anda mendaftar, dan/atau sebagaimana yang kami berikan), atau sehingga maklumat atau perkhidmatan tersebut tidak lagi tersedia.

Kami tidak akan menggunakan alamat e-mel anda atau maklumat lain untuk menghantar kepada anda sebarang mesej atau maklumat yang tidak diminta (melainkan jika ianya sebahagian dari perkhidmatan yang anda minta), malah kami tidak akan berkongsi atau menjual, menyewa atau memajak alamat e-mel anda atau maklumat lain kepada mana-mana pihak ketiga untuk penggunaan sedemikian.

Keselamatan Maklumat

Kami percaya bahawa menjaga keselamatan Data Peribadi merupakan salah satu daripada tanggungjawab kami yang paling utama.

Kami menghadkan akses kepada Data Peribadi hanya kepada pekerja dan individu lain yang memerlukan maklumat tersebut untuk membantu kami dalam perniagaan kami, atau untuk membekalkan produk atau Perkhidmatan untuk anda. Semua pekerja kami yang mempunyai akses kepada Data Peribadi anda dikehendaki untuk menghormati kerahsiaan Data Peribadi anda. Kami melindungi Data Peribadi daripada akses tanpa kebenaran, penggunaan atau penzahiran yang tidak sesuai, pengubahsuaian tanpa kebenaran, pemusnahan yang menyalahi undang-undang atau kerugian tidak sengaja, mengikut piawai dan prosedur keselamatan yang ditetapkan, dengan mengekalkan kawal-lindung fizikal, elektronik, dan tatacara terhadap Data Peribadi.

Apabila kami meminta maklumat sensitif, sebagai contoh, nombor kad kredit, maklumat ini akan disulitkan dan dilindungi oleh perisian penyulitan terbaik dalam industri SSL dan diproses melalui pemproses pembayaran yang bereputasi baik. Sewaktu melayari laman yang selamat, sebagai contoh, borang pesanan kami, ikon kunci di bahagian bawah

penyemak imbas web, contohnya, Mozilla Firefox atau Microsoft Internet Explorer, akan dalam keadaan terkunci berbanding dalam keadaan tidak terkunci atau terbuka ketika anda sekadar 'melayari' laman-laman biasa yang lain.

Keselamatan

GetResponse menyimpan pelayan-pelayannya dalam persekitaran pelayan yang terjamin, dengan pengawasan dan sokongan untuk menghalang akses tanpa kebenaran dan memastikan keselamatan data.

Kami tidak dapat menjamin keselamatan Data Peribadi anda sewaktu ia sedang dihantar melalui Internet dan melalui pelayan-pelayan yang berada di luar kawalan kami. Kami berusaha untuk melindungi Data Peribadi anda, namun GetResponse tidak dapat memastikan atau menjamin keselamatan sebarang maklumat yang anda hantar ke Laman Web atau Perkhidmatan. Sebarang penghantaran data yang anda lakukan melalui Internet perlu dilakukan atas tanggungan risiko anda sendiri. Sebaik sahaja kami menerima data yang dihantar, kami akan berusaha sebaik mungkin untuk memastikan keselamatan dan privasi data tersebut di dalam sistem kami.

Blog kami diuruskan oleh aplikasi pihak ketiga yang mungkin memerlukan anda untuk mendaftar jika anda ingin menyiarkan komen. Kami tidak mempunyai akses atau kawalan terhadap maklumat yang disiarkan dalam blog. Anda perlu menghubungi atau log masuk ke aplikasi pihak ketiga ini jika anda mahu Data Peribadi anda, yang disiarkan dalam bahagian komen, dipadam. Untuk mengetahui bagaimana aplikasi pihak ketiga menggunakan maklumat anda, sila semak kenyataan privasi mereka.

Facebook Connect atau pembekal OpenID yang lain

Anda boleh log masuk ke Laman Web dengan menggunakan perkhidmatan log masuk, seperti Facebook Connect atau sebarang pembekal OpenID. Perkhidmatan ini akan mengesahkan identiti anda dan memberi anda pilihan untuk berkongsi Data Peribadi tertentu dengan kami, sebagai contoh, nama dan alamat e-mel anda untuk pra-pengisian borang pendaftaran kami. Perkhidmatan seperti Facebook Connect memberi anda pilihan untuk menyiarkan maklumat tentang aktiviti anda di Laman Web ke laman profil anda untuk perkongsian dengan orang lain dalam rangkaian anda.

Widget Media Sosial

Laman Web ini mengandungi Ciri-ciri Media Sosial, sebagai contoh, butang *Like* Facebook dan Widget, sebagai contoh, butang Kongsi atau program mini interaktif yang berlangsung di Laman Web. Ciri-ciri ini mungkin akan mengumpul alamat IP anda, laman yang anda sedang lawati di Laman Web, dan mungkin akan menetapkan kuki untuk membolehkan Ciri tersebut berfungsi dengan baik. Ciri-ciri Media Sosial dan Widget adalah dihoskan sama ada oleh pihak ketiga atau di Laman Web. Interaksi anda dengan Ciri-ciri ini ditadbir oleh polisi privasi syarikat yang menyediakannya.

Pertandingan

Dari semasa ke semasa kami akan memberi anda peluang untuk menyertai pertandingan-pertandingan di Laman Web. Jika anda mengambil bahagian, kami akan meminta Data Peribadi tertentu daripada anda. Penyertaan dalam pertandingan begini adalah secara sukarela, maka anda mempunyai pilihan sama ada untuk menzahirkan maklumat ini atau tidak. Maklumat yang diminta lazimnya merangkumi maklumat perhubungan (sebagai contoh, nama dan alamat penghantaran), dan maklumat demografi (sebagai contoh, poskod). Kami akan menggunakan maklumat ini untuk menghantar hadiah kepada pemenang pertandingan.

Testimonial/Ulasan

Kami mungkin akan menyiarkan testimonial/ulasan anda yang mungkin akan mengandungi Data Peribadi di Laman Web. Kami akan meminta kebenaran anda terlebih dahulu melalui e-mel sebelum menyiarkan testimonial/ulasan atau sebelum menyiarkan nama anda beserta testimonial/ulasan anda. Jika anda ingin mengemaskini atau memadam testimonial anda, sila hubungi kami menggunakan [borang maklum balas ini](#).

Lihat, Ubah atau Padam Maklumat

Atas permintaan, GetResponse akan memaklumkan anda tentang sama ada kami memiliki sebarang Data Peribadi anda. Anda boleh membetulkan atau memadam maklumat profil anda pada bila-bila masa dengan memasuki laman profil anda dan klik pilihan '[Akaun Saya](#)' daripada menu, kemudian maklumat tersebut akan dikemaskini. Sila hubungi kami menggunakan [borang maklum balas](#) jika anda memerlukan bantuan sewaktu mengemaskini atau memeriksa maklumat anda. GetResponse akan membantu anda memeriksa maklumat tersebut dalam tempoh 20 hari.

Terma Lain

Kami mungkin akan mengubah Polisi Privasi ini pada bila-bila masa. Kecuali dinyatakan sebaliknya, Polisi Privasi terkini kami boleh diguna pakai untuk semua maklumat yang kami miliki tentang anda dan Akaun anda. Jika kami membuat sebarang perubahan kepada Polisi Privasi ini, kami akan memaklumkan anda melalui e-mel dan melalui penerbitan di Laman Web sebelum perubahan tersebut berkuatkuasa.

Namun begitu, jika kami membuat sebarang perubahan material atau jika GetResponse akan menggunakan Data Peribadi anda dengan cara yang berbeza daripada yang dinyatakan pada ketika pengumpulan, kami akan memaklumkan anda melalui e-mel dan siaran di Laman Web sebelum perubahan tersebut berkuatkuasa. Anda mempunyai pilihan sama ada bersetuju untuk kami menggunakan Data Peribadi anda dengan cara yang berbeza ini atau tidak. Walau bagaimanapun, jika anda telah memilih untuk keluar dari sebarang bentuk komunikasi dengan Laman Web, atau telah memadam Akaun anda, maka anda tidak akan dihubungi, dan Data Peribadi anda tidak akan digunakan dalam cara yang baru ini.

Maklumat yang anda siarkan dalam kemaskini blog atas talian, forum umum dan papan kenyataan atas talian mungkin akan dipaparkan di Laman Web.

Hubungi GetResponse

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau keraguan tentang Polisi Privasi kami, anda boleh hubungi kami di:

GetResponse Malaysia Sdn Bhd
Unit No. 17-2
Level 17
Wisma UOA II, No. 21, Jalan Pinang
50450 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan
Malaysia.
Tel : [+6 03 2242 0321]
Email : gr-asean@getresponse.com